

31/03/2001

Akta jamin mutu produk kosmetik

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan merangka Akta Dandanan Diri, bagi menjamin kualiti produk kosmetik supaya mengikut piawaian yang diluluskan kerajaan.

Menterinya, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin berkata, kandungan akta itu nanti akan mengambil kira pandangan pakar dalam dan luar negara yang terbabit dalam industri itu.

"Biasanya proses itu akan mengambil masa lama kerana penyelidikan dan ujian perlu dijalankan secara terperinci serta proses itu memerlukan rujukan pakar dalam dan luar negara.

"Selain itu, (kementerian) perlu bekerjasama dengan Sirim untuk menentukan piawaian itu," katanya pada sidang media selepas merasmikan Pameran dan Persidangan Beauty 2001 di sini, hari ini.

Hadir sama, Pengerusi Interexpo (M) Sdn Bhd, Datin Paduka Marina Mahathir dan Pengerusi Persatuan Kosmetik, Dandanan Diri dan Haruman Malaysia, Ng Lean Choon.

Ditanya apakah kementerian akan mengupah tenaga pakar dari luar negara untuk menjalankan penyelidikan untuk menentukan piawaian itu, beliau berkata, buat masa ini tenaga luar tidak diperlukan.

Beliau turut berkata, pihaknya akan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan bagi memastikan setiap produk kosmetik yang dikeluarkan mengikut piawaian yang ditetapkan nanti dan menganiaya pengguna.

Terdahulu dalam ucapannya, Muhyiddin berkata, Malaysia mengimport barangan kecantikan bernilai kira-kira RM600 juta tahun lalu.

"Untuk 11 bulan pertama tahun lalu, Malaysia mengimport hasil wangian bernilai RM89 juta; barangan penjagaan kulit, tangan dan kuku (RM322 juta); barangan dandanan dan penjagaan rambut (RM54 juta); barangan penjagaan dan kesihatan mulut (RM103.5 juta) dan barangan penjagaan badan (RM23 juta).

"Jumlah import yang melebihi setengah bilion itu menunjukkan terdapat kecenderungan yang tinggi terhadap penggunaan produk itu di kalangan rakyat Malaysia.

"Kegiatan itu akan menyebabkan pengaliran keluar wang yang banyak," katanya.

Muhyiddin berkata, gaya, kecantikan, fesyen dan penampilan diri menjadi keperluan hidup manusia dan sentiasa berubah mengikut peredaran masa.

Justeru itu, keperluan berkenaan menyebabkan permintaan yang tinggi terhadap produk kosmetik, dandanan diri dan haruman bagi pasaran dalam negara, seterusnya menjadikan industri itu bertambah penting, berdaya maju dan mempunyai masa depan yang cerah, katanya.

(END)